



YAYASAN  
HASANAH  
A foundation of Khazanah Nasional



## JOINT MEDIA STATEMENT

### SERUAN DEMI KEMENANGAN SEKOLAH MALAYSIA

Khazanah Nasional Berhad, Yayasan Hasanah, Yayasan Pahang, Yayasan AMIR dan LeapEd bersama-sama mengucapkan sekalung tahniah kepada Sekolah Kebangsaan (SK) Kempadang, sebuah Sekolah Amanah di pedalaman Kampung Kempadang, Kuantan, Pahang, kerana telah mengharumkan nama Malaysia di peringkat dunia setelah disenaraikan sebagai Finalis 3 Teratas dalam anugerah ulung World's Best School Prizes bagi kategori Inovasi.

**SK Kempadang telah disenarai pendek daripada lebih 3,500 buah sekolah yang menghantar penyertaan dari lebih 111 buah negara** dan berpeluang untuk memenangi hadiah bernilai USD50,000 (RM228,925) sekiranya mereka terpilih sebagai World's Best School bagi kategori Inovasi.

SK Kempadang ialah sebuah sekolah rendah yang terdiri daripada murid B40 dari sebuah kampung nelayan di Pahang. Semasa pandemik dan peperiksaan UPSR dimansuhkan, mereka memerlukan sistem yang mantap bagi memastikan pentaksiran berdasarkan sekolah diteruskan secara efektif. Mereka berkolaborasi secara proaktif dalam pasukan untuk membangunkan alat bagi memenuhi keperluan mereka. Penyelesaian digital mereka, SMARTZOOM, yang mengesan kemajuan masa sebenar murid, membuktikan kapasiti dan keyakinan sekolah untuk berinovasi, serta apa yang boleh dicapai oleh sekolah kita sekiranya kemahiran mereka diupaya dan diperkasakan untuk menyelesaikan masalah yang paling mencabar.

Kami sangat terinspirasi dengan daya tahan SK Kempadang dalam menghadapi pandemik COVID 19, dedikasi mereka untuk mengharungi cabaran, inovasi dalam penggunaan teknologi, dan usaha bersama masyarakat Kg Kempadang untuk membawa perubahan sebenar terhadap kehidupan murid mereka.

Pasukan kami di Khazanah Nasional Berhad, Yayasan Pahang, Yayasan Hasanah, Yayasan AMIR dan LeapEd memberi sokongan sepenuhnya kepada SK Kempadang untuk membawa pulang kemenangan kepada Malaysia.

Kami telah mengundi di pautan <https://worldsbestschool.us.launchpad6.com/2022/entry/818> dan bersama-sama rakan kongsi kami, kami ingin menyertai semua rakyat Malaysia untuk menyokong impian SK Kempadang untuk menang, dan seterusnya memantapkan dan berkongsi inovasi digital SMARTZOOM mereka dengan sekolah-sekolah lain di seluruh Malaysia dalam usaha mentransformasikan pendidikan.

Kejayaan SK Kempadang di pentas dunia akan membuktikan apa yang boleh kita capai untuk anak-anak Malaysia sekiranya kita bersatu sebagai satu bangsa.

Kami ingin mengalu-alukan semua rakyat Malaysia untuk menyertai kami, dan bersama-sama, membantu SK Kempadang membawa pulang kemenangan buat Malaysia dengan mengundi di <https://worldsbestschool.us.launchpad6.com/2022/entry/818> sebelum 11:59 malam, 2 Oktober 2022 GMT (7.59 pagi, 3 Oktober 2022, waktu Malaysia).

**SEKOLAH KEMPADANG MENGATASI SEMUA CABARAN**



YAYASAN  
HASANAH

A foundation of Khazanah Nasional



Majoriti murid SK Kempadang adalah daripada keluarga B40. Semasa pandemik, sekolah ini telah berhadapan dengan cabaran untuk mengumpul data pembelajaran masa sebenar murid bagi menentukan rancangan pengajaran kerana bilik darjah fizikal telah diganti dengan pembelajaran dalam talian. Selain itu, ujian standard telah digantikan dengan model pentaksiran berdasarkan sekolah.

Oleh kerana sekolah ini tidak mempunyai alat untuk mengesahkan prestasi murid bagi pentaksiran formatif, pasukan sekolah ini telah mereka bentuk dan membangunkan platform perkongsian pengesahan untuk komuniti sekolah, menggunakan lembaran Google yang mudah diakses oleh seluruh warga sekolah di Google Chrome.

Kemajuan murid dikesan dengan sistem lampu trafik ringkas, merah-hijau-kuning dengan merah menunjukkan murid yang paling memerlukan sokongan.

SMARTZOOM membolehkan guru untuk mereka bentuk intervensi berasaskan data, yang dikhususkan kepada keperluan khas murid mereka. Setiap kemajuan murid boleh dilihat oleh semua, dan sekolah juga telah bekerjasama dengan ibu bapa untuk memastikan tiada anak-anak yang ketinggalan.

Inovasi digital SMARTZOOM adalah satu lagi kejayaan yang dicapai oleh Program Sekolah Amanah di SK Kempadang, yang ditaja oleh Yayasan Pahang, sebagai sebahagian daripada komitmen mereka terhadap pendidikan yang berkualiti di negeri Pahang. Program Sekolah Amanah telah membawa penambahbaikan yang mengagumkan dalam pengajaran & pembelajaran, kemenjadian murid yang holistik dan pelibatan ibu bapa. Hal ini menyebabkan peningkatan permintaan kemasukan, dengan kadar enrolmen meningkat sebanyak 6%-7% setiap tahun semenjak mereka mula menjadi Sekolah Amanah pada tahun 2015.

Pendidik dan pemimpin Sekolah Kebangsaan Kempadang telah berikrar bahawa, sekiranya mereka memenangi World's Best School Prize bagi kategori Inovasi, dengan hadiah wang tunai berjumlah USD50,000 (RM228, 925), mereka akan menggunakan dana ini untuk menambah baik dan memperluaskan kapasiti SMARTZOOM untuk dikongsikan kepada sekolah lain di seluruh Malaysia.

Dana ini juga akan digunakan untuk menyokong aktiviti kokurikulum sekolah, seperti membantu murid mereka meneruskan penyertaan dalam Pertandingan Robotik Kebangsaan.

Finalis 3 Teratas bagi setiap lima anugerah World's Best School Prizes dibuka untuk Undian Awam. Orang ramai diberikan masa sehingga 2 Oktober, 11:59 malam GMT untuk memaklumkan pemenang yang layak kepada juri di <https://worldsbestschool.us.launchpad6.com/2022/entry/818>.

Akademi Juri, terdiri daripada pemimpin ulung dari seluruh dunia, termasuk ahli akademik, pendidik, Badan Bukan Kerajaan, perusahaan sosial, kerajaan, masyarakat sivil dan sektor swasta, akan dibentangkan dengan hasil undian orang ramai dan akan menilai finalis berdasarkan [kriteria](#) yang ketat.

Pemenang akan diumumkan pada 19 Oktober 2022 di [World Education Week](#). Hadiah wang tunai bernilai US\$250,000 akan dikongsi secara sama rata antara pemenang bagi lima Anugerah tersebut, dengan setiap pemenang bakal menerima wang tunai US\$50,000.

Semua sekolah yang disenarai pendek bagi lima Anugerah tersebut akan berkongsi amalan terbaik mereka semasa World Education Week dan melalui Toolkit Transformasi Sekolah



YAYASAN  
HASANAH

A foundation of Khazanah Nasional



yang memaparkan “rahsia” pendekatan inovatif mereka dan arahan terperinci tentang bagaimana sekolah lain boleh menggunakan kaedah mereka bagi membantu menambah baik pendidikan di seluruh dunia.

-ends-

## TENTANG KHAZANAH NASIONAL BERHAD

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") ialah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk menyampaikan nilai mampan untuk rakyat Malaysia. Selaras dengan strategi jangka panjang Memajukan Malaysia, Khazanah menyasarkan untuk mencapai tujuannya dengan melabur dalam sektor pemangkin, mencipta nilai melalui pengawasan aktif, meningkatkan kehadiran globalnya, serta membina kapasiti dan komuniti yang bertenaga untuk manfaat rakyat Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, layari [www.khazanah.com.my](http://www.khazanah.com.my)

Untuk maklumat media, sila hubungi:

Sherliza Zaharudin di Tel: +603 2034 0000 atau e-mel [sherliza.zaharudin@khazanah.com.my](mailto:sherliza.zaharudin@khazanah.com.my)

## TENTANG YAYASAN HASANAH [PENAJA WORLD'S BEST SCHOOL PRIZES]

Yayasan Hasanah (“Hasanah”) ialah yayasan berasaskan impak oleh Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”), pemegang amanah dana Malaysia. Hasanah ditubuhkan sebagai entiti bebas pada 1 Julai 2015, berdasarkan sembilan tahun usaha Tanggungjawab Korporat (CR) yang sebelum ini dipacu oleh Khazanah. Sebagai sebuah organisasi pemberi geran, Hasanah melangkaui ringgit dan sen untuk memudahkan ekosistem transformasi, bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan, menyemai semangat advokasi dan membina kapasiti dalam lima bidang fokus utama: Pendidikan; Pembangunan Komuniti; Persekutaran; Seni dan Tempat Awam; dan Pengetahuan. Secara kolektif dan kolaboratif, Hasanah berharap dapat mengubah kedudukan sosial dan komuniti rakyat Malaysia, ke arah Malaysia yang lebih baik. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.yayasanhasanah.org](http://www.yayasanhasanah.org)

Untuk maklumat media, sila hubungi :

Zeffri Mohd Yusof di 013-720 3312 atau [zeffri.yusof@hasanah.org.my](mailto:zeffri.yusof@hasanah.org.my)

## TENTANG YAYASAN PAHANG [PENAJA SEKOLAH AMANAH, SK KEMPADANG]

Yayasan Pahang ditubuhkan pada 1982 oleh Kerajaan Negeri Pahang bertujuan meningkatkan pencapaian anak-anak Pahang dalam bidang pendidikan hingga ke peringkat dunia seterusnya melahirkan sumber tenaga manusia yang matang dan seimbang. Yayasan Pahang menyediakan pelbagai program dan akses pendidikan di pelbagai peringkat masyarakat: bermula di peringkat tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, Institusi Pengajian Tinggi, masyarakat bekerja, masyarakat Orang Asli hingga ke warga emas (from cradle to grave).

Untuk maklumat media, sila hubungi :

Zarinah Hamid di 013-928 8728 atau [zarinah@yp.org.my](mailto:zarinah@yp.org.my)

## TENTANG PROGRAM SEKOLAH AMANAH (Yayasan AMIR dan LeapEd)



YAYASAN HASANAH  
A foundation of Khazanah Nasional



Program Sekolah Amanah adalah transformasi penyelesaian pendidikan yang menyeluruh, yang menarasarkan untuk menyuburkan budaya sekolah dan memantapkan pengajaran & pembelajaran bagi menghasilkan kemenjadian murid yang holistik.

Program ini ditawarkan di bawah perkongsian awam-swasta antara Kementerian Pendidikan dan Yayasan AMIR, dengan LeapEd bertanggungjawab untuk mereka bentuk, membangun dan menyampaikan program tersebut kepada sekolah awam di seluruh negara. Ia melibatkan kerjasama dengan semua pihak berkepentingan: Pengetua, Pemimpin Pertengahan, guru, murid, ibu bapa dan masyarakat yang lebih luas untuk menambah baik kualiti pendidikan. Fokusnya adalah terhadap menyesuaikan amalan terbaik antarabangsa kepada sekolah di Malaysia berdasarkan konteks tempatan, dengan fokus terhadap pendekatan berdasarkan data dan berdasarkan evidens, serta penekanan kepada kelestarian dan skalabiliti.

Sehingga kini, terdapat 94 Sekolah Amanah di 11 buah negeri berbeza, mewakili pelbagai masyarakat: sekolah bandar, luar bandar, B40, Cina dan Tamil, Islam, Orang Asli dan sekolah berasrama berprestasi tinggi. Program Sekolah Amanah telah menunjukkan hasil yang ketara dalam semua bidang sasaran impak: termasuk pemantapan kepimpinan sekolah, penambahbaikan pengajaran & pembelajaran dan kemenjadian murid, pelibatan ibu bapa dan komuniti yang lebih luas, serta mempengaruhi pembaharuan dan perubahan sistemik.

Yayasan AMIR: <https://www.yayasanamir.org.my/>

LeapEd: [www.leapedservices.com](http://www.leapedservices.com)

*Untuk maklumat lanjut, hubungi Susan Tan, di 019-5731688,*

*[susan.tan@vantagecomms.com](mailto:susan.tan@vantagecomms.com)*